

Sinar Harian
18/9/16
mls 49

Jangan sorok anak kurang upaya

Pasangan suami isteri tidak anggap dua anak OKU sebagai bebanan, sebaliknya anggap sebagai anugerah

■ SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Bukan mudah menjaga dan menguruskan anak orang kurang upaya (OKU) lembam, lebih-lebih lagi jika mempunyai lebih dari seorang anak istimewa yang perlu diuruskan.

Namun, bagi pasangan Rozila Abd Aziz, 56, dan suaminya, Mohd Razali Mohd Idrus, 56, mereka tidak pernah menganggap dua anak kurang upayanya, Mohd Azizi, 27, dan Mohd Azizul, 22, sebagai beban, malah jauh sekali berasa malu.

Mereka melayan anak syurga itu sama seperti anak normalnya yang lain dan tidak pernah membiarkan mereka hanya terperap di rumah.

"Kita kena reda bila ada anak OKU dan anggaplah ia sebagai anugerah. Paling pen-

ting jangan sorok di rumah, bawa dia keluar supaya ada perkara baru yang boleh mereka dipelajari.

"Kalau hanya biar di rumah, kita tak dapat didik anak ini untuk belajar berdikari sedangkan usia mereka juga akan meningkat, dan kita pula sebagai ibu bapa semakin tua," katanya.

Menurut Rozila, Mohd Azizul dihantar belajar di sebuah Pusat Harian OKU, manakala Mohd Azizi pula bekerja mengupas kulit bawang di Persatuan Sokongan Keluarga Insan Istimewa Negeri Sembilan.

Jika berkelapangan, katanya, dia dan suami akan turut sama menemani Mohd Azizi mengupas kulit bawang yang dibayar, upah RM2 untuk sekilo bawang.

"Dengan cara ini boleh

membantu perkembangan mereka. Sebenarnya bila OKU ini diajar boleh menjadi pekerja mahir dan biasanya mereka ini akan berbangga apabila diminta buat sesuatu.

"Tapi nak pergi hantar bekerja di luar, memang susahlah kerana perlu sentiasa dipantau. Dengan adanya tempat sebegini sekurang-kurangnya ada ruang untuk mereka buat sesuatu bermanfaat," katanya.

Rozila berkata, menerusi pembelajaran dan aktiviti dilakukan oleh kedua-dua anaknya di kedua-dua pusat berkenaan, mereka kini mampu membuat kerja di rumah.

Justeru itu, dia menasihati ibu bapa yang mempunyai anak OKU supaya bersikap lebih terbuka dengan berusaha memberi yang terbaik, terutamanya dalam soal perkembangan anak mereka.



Rozila dan Mohd Razali bersama dua anak OKU mereka mengupas kulit bawang.